

30/05/2001

Kerajaan tangguh terbit bon RM5.5b

KERAJAAN menangguhkan penerbitan bon bernilai RM5.5 bilion bagi pemilikan aset kedua-dua Projek Usahasama Transit Aliran Ringan (Putra) dan Sistem Transit Aliran Ringan (Star).

Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin berkata: "(Ia ditangguhkan) kerana ada yang berkata ia tidak bernilai sebanyak itu, mungkin, dan ada yang berkata, jika kami (kerajaan) melakukannya, mereka akan kata kami mahu menyelamatkan pelabur terbabit."

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas berucap merasmikan Persidangan Pelaburan Perbadanan Kemajuan Industri (IDC) Afrika Selatan di Kuala Lumpur, semalam.

Kelmarin Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan belum membuat keputusan sama ada akan membeli atau tidak aset LRT dan Putra.

Beliau berkata, kerajaan masih perlu mengkaji masalah yang dihadapi kedua-dua syarikat berkenaan.

Tahun lalu kerajaan mengumumkan cadangan membeli aset kedua-duanya melalui terbitan bon berkenaan.

Daim berkata, keputusan sama ada kerajaan akan meneruskan cadangannya untuk membeli atau tidak aset kedua-dua projek Star dan Putra bergantung kepada saranan yang bakal dikemukakan Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (CDRC).

"Ia bergantung kepada saranan CDRC," katanya ketika ditanya sama ada kerajaan masih meneruskan proses membeli aset LRT dan Putra.

Beliau berkata, kerajaan menyerahkan kepada agensi penyusunan hutang korporat itu untuk mencari pilihan yang ada bagi menyusun semula hutang kedua-dua projek berkenaan.

"Kami serahkan kepada CDRC untuk mencari pilihan yang ada. Merekalah yang bertanggungjawab dalam penstrukturan semula pinjaman itu," katanya.

Daim berkata, langkah kerajaan mengkaji semula cadangan awal untuk membeli aset LRT dan Putra semata-mata kerana alasan komersial dan tidak ada kena mengena dengan politik.

"Ya atas alasan komersial. Ia hanya ada kaitan dengan politik jika kita tidak membenarkan mereka mengenakan caj biasa," katanya.

Sementara itu, ketika ditanya mengenai langkah agensi Morgan Stanley Capital International (MSCI) menurunkan wajaran Malaysia dalam indeksnya, Daim berkata, ia berlaku kerana salah tanggapan agensi itu.

"Mereka kata peningkatan pegangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) adalah bukan saham yang tersedia didagangkan di pasaran terbuka, tetapi KWSP bukannya kerajaan.

"Tanggapan mereka adalah salah, dan mereka sudah membincangkan perkara ini sejak sekian lama," katanya.

MSCI 19 Mei lalu mengumumkan akan memotong lebih separuh daripada wajaran Malaysia dalam indeks saham dunianya yang menjejak pasaran saham di 49 negara.

Ia akan berkuat kuasa apabila agensi itu menyelesaikan perubahan dua fasa bagi indeksnya 31 Mei 2002. Perubahan yang bakal dilakukan itu memberikan wajaran berasaskan jumlah saham yang tersedia didagangkan di pasaran terbuka dan bukan seperti sebelum ini yang hanya berdasarkan kepada permodalan pasaran.

Pengumuman itu sedikit sebanyak menjejaskan harga saham syarikat berwajaran besar yang dikuasai kerajaan seperti Tenaga Nasional Bhd dan

Telekom Malaysia Bhd.

(END)